

**PENYEBATIAN ELEMEN-ELEMEN ASAS
KEUSAHAWANAN MELALUI PBPP DALAM
KALANGAN PELAJAR PERDAGANGAN
TINGKATAN EMPAT**



CHENG TSEN LUI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

**PENYEBATIAN ELEMEN-ELEMEN ASAS
KEUSAHAWANAN MELALUI PBPP DALAM
KALANGAN PELAJAR PERDAGANGAN
TINGKATAN EMPAT**

CHENG TSEN LUI



UMS

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu telah saya jelaskan sumbernya

10 September 2016

Cheng Tsen Lui
PT1211243T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **CHENG TSEN LUI**

NO. MATRIK : **PT1211243T**

TAJUK : **PENYEBATIAN ELEMEN-ELEMEN ASAS KEUSAHAWANAN
MELALUI PBPP KALANGAN PELAJAR PERDAGANGAN
TINGKATAN EMPAT**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

TARIKH VIVA : **8 SEPTEMBER 2016**

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA

PM Dr. Christina Peter Ligadu



Tandatangan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. PENYELIA KEDUA

PM Dr. Dayang Maryma Awang Daud

PENGHARGAAN

Pertama sekali rasa penuh kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya tesis ini dapat disiapkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperolehi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Sabah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih, khususnya kepada penyelia-penyelia saya, PM Dr. Christina Peter Ligadu dan PM Dr. Dayang Maryma Awang Daud yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada pemeriksa luar PM Dr. Jane Teng Yan Fang serta Pemeriksa dalam PM Dr. Mohd Zaki Ishak dan Dr. Shukri Zain yang banyak memberi cadangan penambahbaikan tesis ini.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada 9 orang informan pelajar Perdagangan tingkatan empat dan 3 orang guru fasilitator di sebuah sekolah menengah daerah Kota Belud, kakitangan FPP dan PPP, kakitangan perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan rakan-rakan seperjuangan atas maklumat-maklumat yang diperolehi sepanjang kursus ini. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pelajaran Sabah kerana memberi kebenaran menjalankan kajian ini.

Akhir sekali buat suami, anak-anak dan ahli keluarga tersayang. Terima kasih atas doa dan dorongan yang diberikan. Walaupun kesibukan dan keterbatasan masa sepanjang empat tahun ini, namun anda tetap sentiasa berada di belakang memberi galakan dan motivasi.

Cheng Tsen Lui
PT1211243T

ABSTRAK

Pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek perniagaan (PBPP) dalam kajian ini mengintegrasikan strategi REACT Crawford (2001) dengan melaksanakan program-program seperti ceramahan keusahawanan, kajian pemasaran, rancangan perniagaan dan aktiviti perniagaan. Tujuan kajian ini adalah menyebatkan elemen-elemen asas keusahawanan semasa pelaksanaan PBPP. Pelaksanaan PBPP melibatkan sembilan orang pelajar Perdagangan tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah harian di negeri Sabah. Persampelan bertujuan digunakan. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan strategi kajian kes dan fenomenologi. Teknik pengumpulan data ialah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data-data yang diperolehi dianalisis secara manual dengan menggunakan teknik analisis sesama kes (*within-case analysis*) sebelum dianalisis semula secara bersilang kes (*cross-case analysis*). Data dianalisis mengikut tematik (*thematic analysis*) bagi mengenal pasti kategori dan tema dalam data. Selain itu, penyelidik dan tiga orang guru dalam bidang Teknik dan Vokasional bekerjasama membantu menjayakan program-program PBPP kajian ini. Triangulasi data dilakukan menerusi sembilan orang pelajar dan maklum balas tiga orang guru yang berperanan sebagai fasilitator. Di samping itu, data-data juga daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian mendapati pelaksanaan PBPP telah menyebatkan pengalaman asas keusahawanan, pembangunan kompetensi keusahawanan dan muncul kecenderungan pelajar terhadap kerjaya keusahawanan. Penyebatian elemen-elemen asas keusahawanan ini memperlihatkan implikasi kepada inovasi dalam kurikulum Perdagangan dan penambahbaikan amalan pedagogi guru dengan menggunakan pengajaran berpusatkan pelajar. Pelajar-pelajar melibatkan diri secara aktif dan koperatif dalam kumpulan untuk menyelesaikan masalah perniagaan dalam konteks sebenar. Ini menimbulkan kecenderungan pelajar-pelajar terhadap kerjaya keusahawanan. Kajian ini telah menyumbang sebuah model penyebatian elemen-elemen asas keusahawanan dalam mata pelajaran Perdagangan di peringkat sekolah menengah. Kajian lanjutan dicadangkan mempelbagaikan strategi pelaksanaan PBPP dengan pelajar Perdagangan daripada aliran KHB yang berbeza. Pelaksanaan PBPP juga dicadangkan agar dapat dikembangkan ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) untuk penyebatian elemen-elemen asas keusahawanan dalam persekitaran yang berbeza. Selain itu, pendekatan kuantitatif boleh digunakan untuk memperluaskan skop kajian menerusi soal selidik ke sekolah-sekolah menengah lain di negeri Sabah.

ABSTRACT

INTEGRATING BASIC ELEMENTS OF ENTREPRENEURSHIP THROUGH PBPP (LEARNING THROUGH BUSINESS PROJECTS) AMONG FORM FOUR STUDENTS OF COMMERCE

The implementation of the learning process that was based on business projects in this study integrated Crawford's (2001) REACT Strategy by implementing programmes such as talks on entrepreneurship, marketing studies, business plans and business activities. The purpose of this study was to integrate the basic elements of entrepreneurship through the implementation of PBPP which involved nine Form Four students of Commerce at a daily secondary school in Sabah. Purposive sampling was carried out. The research design of this study was qualitative which employed case study and phenomenology strategies. Data collection was done through interviews, observation and document analysis. The data collected was analysed manually using the within-case analysis technique before being re-analysed using the cross-case analysis. The data collected was analysed thematically to identify categories and themes in the data. In addition, the researcher and three teachers in the Technical and Vocational Department collaborated to carry out the PBPP programmes devised for this study. Data triangulation was done through the nine students as samples and through the feedback from the three teachers who acted as facilitators. Also combined with data from interviews, observations and document analysis. The study found that the implementation of PBPP had been effective in integrating experience of basic entrepreneurship, development of entrepreneurial competency and had resulted in the emerging inclination among students towards entrepreneurial professions. Integrating the basic elements of entrepreneurship could be applied as an innovation in the Commerce curriculum and an improvement to teaching pedagogy by adopting a more student-centered approach. Students were able to play active roles and work cooperatively in groups to solve problems in the context of a real business. This, in turn had led to the emergence of students' inclination towards entrepreneurial professions. This study had contributed a model to integrate basic elements of entrepreneurship into the Commerce Subject at secondary school level. A proposed further study is to diversify the strategies to implement PBPP with students of Commerce from different streams of the KHB (Integrated Living Skills) subjects. It is also recommended that the implementation of PBPP be expanded to tertiary level be it the public or private sector, for the integration of basic elements of entrepreneurship in different environments. Apart from that, a quantitative approach can be adopted to widen the scope of study through surveys to other secondary schools in the state of Sabah.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	11
1.5 Soalan-Soalan Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Definisi Konsep	15
1.8.1 Pembelajaran Berasaskan Projek Perniagaan (PBPP)	15
1.8.2 Usahawan	16
1.8.3 Keusahawanan	16
1.9 Kesimpulan	17
BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	19

2.2	Konsep Pembelajaran Berasaskan Projek	20
2.3	Pengintegrasian Strategi REACT Crawford (2001)	21
2.4	Teori dalam Peranan SIPartner dan Kepimpinan Pengetua	27
2.4.1	Penyelesaian Masalah Pembelajaran Konteks Kehidupan Sebenar	27
2.4.2	Penghasilan Produk atau Artifak	29
2.4.3	Pengintegrasian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	30
2.4.4	Mengawal Proses Pembelajaran Dalam Pembinaan Pengetahuan	31
2.4.5	Pembelajaran Berorientasikan Motivasi	33
2.5	Cabaran Pembelajaran Berasaskan Projek	34
2.6	Teori Dan Model Pembelajaran	36
2.6.1	Teori Konstruktivisme	37
2.7	Kerangka Teoritikal	45
2.8	Kesimpulan	47
 BAB 3 : PROTOTAIP MODUL PBPP		
3.1	Pendahuluan	49
3.2	Matlamat	49
3.3	Objektif	50
3.4	Kaedah Pelaksanaan	50
3.5	Strategi Pelaksanaan	51
3.5.1	Program-Program PBPP	51
3.6	Fasa Pembangunan	60
3.7	Indikator Kejayaan Penyebatian Elemen-Elemen Asas Keusahawanan	63
3.8	Kerangka Kerja	70
3.9	Kesimpulan	72
 BAB 4: METODOLOGI KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	74
4.2	Paradigma Kajian	74
4.2.1	Ontologi	77


4.2.2	Epistemologi	79
4.2.3	Metodologi	82
4.3	Reka Bentuk Kajian	83
4.3.1	Pendekatan Kualitatif	84
4.3.2	Strategi Kajian	87
4.4	Persampelan Kajian	91
4.4.1	Ciri-ciri Sampel	92
4.4.2	Teknik Persampelan	95
4.5	Teknik Pengumpulan Data	100
4.5.1	Temu Bual Separa Berstruktur	105
4.5.2	Pemerhatian	114
4.5.3	Analisis Dokumen	117
4.6	Pengurusan Dan Penganalisan Data	120
4.6.1	Transkrip Temu Bual	123
4.6.2	Catatan Lapangan	124
4.6.3	Nota Analitikal	125
4.6.4	Penetapan Indeks Data	126
4.6.5	Pengekoden	128
4.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian	132
4.7.1	Kredibiliti	133
4.7.2	Kebolehpindahan	138
4.7.3	Keboleh Bergantungan	138
4.7.4	Pengesahan	139
4.8	Prosedur Kajian	139
4.9	Etika Kajian	141
4.9.1	Penyelidikan perlu direka dengan teliti bagi mengurangkan risiko kepada informan	141
4.9.2	Penyertaan pelajar-pelajar sebagai subjek dalam penyelidikan adalah sukarela	142
4.9.3	Proses memperolehi kebenaran dan dokumentasi yang disediakan mestilah mematuhi keperluan dan mematuhi undang-undang serta garis panduan pihak berkuasa	143

4.9.4	Pengiktifan kerahsian maklumat dengan penggunaan nama samaran dan kod untuk mengenal pasti setiap informan kajian	144
4.10	Kesimpulan	145
BAB 5: ANALISIS DATA		
5.1	Pendahuluan	146
5.2	Demografi Informan	146
5.3	Tema-Tema Muncul Daripada Analisis Data	152
5.3.1	Pengalaman Asas Keusahawanan	154
5.3.2	Pembangunan Kompetensi Keusahawanan	180
5.3.3	Kecenderungan Terhadap Keusahawanan	207
5.4	Kesimpulan	216
BAB 6 : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
6.1	Pendahuluan	218
6.2	Rumusan Dapatan Kajian	218
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian	220
6.3.1	Pengalaman Asas Keusahawanan	220
6.3.2	Pembangunan Kompetensi Keusahawanan	232
6.3.3	Kecenderungan Terhadap Bidang Keusahawanan	237
6.4	Implikasi Kajian	242
6.4.1	Implikasi Kepada Kurikulum	243
6.4.2	Implikasi Kepada Guru	244
6.4.3	Implikasi Kepada Pelajar	245
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	245
6.6	Kesimpulan	247
RUJUKAN		249
LAMPIRAN		272

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Makna dan Fungsi <i>Relating</i> (menghubunkait) dalam PBPP	23
Jadual 2.2: Makna dan Fungsi <i>Experiencing</i> (mengalami) dalam PBPP	23
Jadual 2.3: Makna dan Fungsi <i>Applying</i> (mengaplikasi) dalam PBPP	24
Jadual 2.4: Makna dan Fungsi <i>Cooperating</i> (bekerjasama) dalam PBPP	25
Jadual 2.5: Makna dan Fungsi <i>Transferring</i> (memindahkan) dalam PBPP	26
Jadual 3.1: Penggunaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek dan Strategi REACT Crawford (2001) Dalam pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek Perniagaan (PBPP)	59
Jadual 3.2: Fasa Pembangunan Sintaksis PBPP	61
Jadual 3.3: Deskripsi Aktiviti-Aktiviti Pelajar	62
Jadual 3.4: Indikator Memahami, Menghayati dan Mengamalkan Ciri-Ciri Keusahawanan Dalam Perniagaan dan Kehidupan Harian	64
Jadual 3.5: Indikator Memahami, Menghayati dan Mengamalkan Etika Keusahawanan Dalam Perniagaan dan Kehidupan Harian.	66
Jadual 3.6: Indikator Menganalisis Unsur Luaran dan Dalam Persekitaran Perniagaan Dalam Menentukan Strategi Keusahawanan.	67
Jadual 3.7: Indikator Menggunakan Strategi Keusahawanan Untuk Mengenal Pasti, Membina, Meneroka dan Merebut Peluang Perniagaan Dalam Aktiviti Perniagaan.	68
Jadual 3.8: Indikator Menggunakan Perisian Komputer Untuk Menyediakan Rancangan Perniagaan	69
Jadual 3.9: Indikator Menguasai Kemahiran Generik Yang Diperlukan Bagi Menjalankan Aktiviti Perniagaan.	69
Jadual 3.10: Indikator Minat Dan Kecenderungan Terhadap Kerjaya Keusahawanan.	70
Jadual 3.11: Kerangka Kerja Pelaksanaan PBPP	71
Jadual 4.1: Pertimbangan Ontologi Kajian	79
Jadual 4.2: Pertimbangan Epistemologi Kajian	82

Jadual 4.3:	Profil Informan Pelajar	94
Jadual 4.4:	Profil Informan Guru Sebagai Fasilitator PBPP	95
Jadual 4.5:	Fasa-Fasa Dalam Temu bual	111
Jadual 4.6:	Jadual Sesi Temu bual (Kajian Kes Informan Pelajar)	112
Jadual 4.7:	Jadual Sesi Temu bual (Data Triangulasi Informan Guru)	112
Jadual 4.8:	Jadual Sesi Pemerhatian	117
Jadual 4.9:	Senarai Bukti Dokumen	119
Jadual 4.10:	Maklumat Guru Bahasa Melayu	124
Jadual 4.11:	Sistem Indeks Data	127
Jadual 4.12:	Tatacara Pengumpulan dan Penganalisan Data	130
Jadual 4.13:	Audit Trial Pelaksanaan Kajian	136
Jadual 5.1:	Pengklasifikasian Tema berdasarkan sub Kategori dan kategori	154
Jadual 5.2:	Ciri-ciri Usahawan Yang Berjaya Dalam Kalangan Pelajar	187
Jadual 5.3:	Etika Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar	191



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Kerangka Teoritikal Kajian	47
Rajah 4.1: Reka Bentuk Kajian	84
Rajah 4.2: Model Aliran Analisis Data	123
Rajah 4.3: Proses-Proses Analisis Tematik Mengikut Setiap Kes dan Kes Bersilang	131
Rajah 4.4: Prosedur Kajian	140
Rajah 5.1: Kekuatan Persekitaran Perniagaan	160
Rajah 5.2: Kelemahan Persekitaran Perniagaan	162
Rajah 5.3: Peluang Persekitaran Perniagaan	164
Rajah 5.4: Ancaman Persekitaran Perniagaan	165
Rajah 5.5: Strategi Pemasaran	172
Rajah 5.6: Rancangan Perniagaan	175
Rajah 5.7: Melaksanakan Aktiviti Perniagaan	180
Rajah 5.8: Kemahiran Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar	192
Rajah 5.9: Kreativiti Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar	195
Rajah 5.10: Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Pelajar	200
Rajah 5.11: Kemahiran Kepimpinan Dalam Kalangan Pelajar	202
Rajah 5.12: Kemahiran Berkomunikasi Dalam Kalangan Pelajar	204
Rajah 5.13: Mengaplikasi Teknologi Dalam Perniagaan Pelajar	206
Rajah 5.14: Kecenderungan Terhadap Keusahawanan	216
Rajah 6.1: Penguasaan Pengalaman Asas Keusahawanan Pelajar	221
Rajah 6.2: Pembangunan Kompetensi Keusahawanan Pelajar	233
Rajah 6.3: Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Kecenderungan Terhadap Keusahawanan Pelajar	240

SENARAI SINGKATAN

PBPP	Pembelajaran Berasaskan Projek Perniagaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
IPTA	Instittut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PT3	Penilaian Tingkatan Tiga
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
PUM	Program Usahawan Muda



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
LAMPIRAN A	Protokol Jurnal Pelajar Ceramahan Keusahawanan	272
LAMPIRAN B	Protokol Jurnal Pelajar Kajian Pemasaran	273
LAMPIRAN C	Protokol Jurnal Pelajar Refleksi Program	274
LAMPIRAN D	Surat Persetujuan Kajian Informan Pelajar	275
LAMPIRAN E	Surat Persetujuan Kajian Informan Guru	277
LAMPIRAN F	Protokol Temu Bual Informan Pelajar	279
LAMPIRAN G	Protokol Temu Bual Informan Guru	282
LAMPIRAN H	Protokol Pemerhatian	284
LAMPIRAN I	Inkuri Audit Senarai Bukti Dokumen	285
LAMPIRAN J	Peringkat dan Proses Dalam Analisis Tematik	287
LAMPIRAN K	Surat Kelulusan PPD	289
LAMPIRAN L	Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah	290
LAMPIRAN M	Contoh Jurnal Pelajar Ceramah keusahawanan	291
LAMPIRAN N	Contoh Jurnal Pelajar Kajian Pemasaran	296
LAMPIRAN O	Contoh Jurnal Pelajar Refleksi Program	299
LAMPIRAN P	Contoh Transkrip Temu Bual Informan Pelajar	302
LAMPIRAN Q	Contoh Transkrip Pemerhatian	309

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Di Malaysia, kerajaan mengutamakan bidang keusahawanan dalam proses perkembangan dan pembangunan ekonomi negara. Banyak usaha telah dilakukan. Antaranya, Dasar Ekonomi Baru yang mula dilaksanakan dalam tahun 1970 telah memberi penekanan kepada pembangunan keusahawanan dalam kalangan bumiputera dan Dasar Pembangunan Negara turut memberi penekanan dengan menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) sebagai pemangkin untuk mewujudkan usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Ini bertujuan membantu melahirkan usahawan-usahawan yang benar-benar berkualiti dan berdaya saing (Abdul Aziz, Ismail Saliyan, Mohammad, Mohamad Rofie, Jurisda Risno dan Umar, 2011). Selain itu, usaha menyahut cabaran ke-9 Wawasan 2020 untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mempunyai ekonomi berdaya saing, berdaya tahan, dinamik dan giat, penguasaan pendidikan perdagangan perlu diutamakan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Ini kerana aktiviti-aktiviti perdagangan memainkan peranan utama dalam memberi sumbangan penting sebagai penggerak dan penyokong kepada kejayaan keseluruhan rancangan pembangunan ekonomi, khususnya dalam mewujudkan berbagai-bagai peluang pekerjaan ke arah menghasilkan pendapatan individu, masyarakat dan negara (KPM, 2000a).

Dalam konteks kajian ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini menawarkan mata pelajaran Perdagangan kepada kumpulan pelajar lepasan Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) di bawah pakej pembelajaran Kumpulan Sastera dan Ikhtisas KBSM sebagai mata pelajaran elektif di peringkat menengah atas (KPM, 1999 dan 2000b). Selaras dengan rancangan pembangunan ekonomi negara, kurikulum Perdagangan dibentuk berdasarkan amalan perdagangan dan

perniagaan yang telah disepadukan dalam 15 topik pembelajaran. Topik-topik berkenaan merangkumi bidang-bidang pengeluaran, perdagangan, perniagaan, bantuan perniagaan, pelaburan, pemilikan perniagaan, konsumerisme dan etika amalan perniagaan Terdapat 10 objektif ditetapkan dalam mata pelajaran ini. Objektif-objektif ini memerlukan pelajar-pelajar untuk mengenal pasti, memahami, membina pengetahuan dan kemahiran asas serta mengukuhkan minat bagi tujuan meneruskan pendidikan perdagangan di peringkat yang lebih tinggi atau menceburi bidang keusahawanan setelah menamatkan persekolahan mereka kelak (KPM, 2000a). Ini menunjukkan terdapat komponen-komponen kemahiran keusahawanan yang diperolehi oleh pelajar-pelajar Perdagangan sebagai titik tambah dalam membentuk masa depan mereka. Sehubungan itu, pembangunan kemahiran keusahawanan juga merupakan salah satu komponen kemahiran insaniah penting dalam memenuhi dan menepati kehendak pasaran kerja dan kehidupan seharian yang kian mencabar.

Justeru, beberapa kementerian kerajaan telah bertindak sebagai medium penggerak dalam melahirkan masyarakat yang bercirikan keusahawanan sehingga menjadi budaya dan amalan hidup. Antaranya, usaha-usaha telah dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan. Di peringkat sekolah, Kementerian Pendidikan memainkan peranannya untuk membudayakan keusahawanan pelajar-pelajar. Kini, budaya keusahawanan mula disemai melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) seawal sekolah rendah dengan penerapan elemen-elemen keusahawanan merentasi kurikulum (KPM, 2012). Bukan itu sahaja, pembudayaan keusahawanan teras juga telah lama diterapkan di peringkat sekolah menengah rendah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dengan memasukkan komponen perdagangan dan keusahawanan sejak tahun 1991. Matlamat komponen perdagangan dan keusahawanan didedahkan kepada pelajar-pelajar tingkatan 1 hingga 3 ini supaya mereka mendapatkan maklumat perniagaan dan menyedari potensi mereka ke arah menjadi usahawan. Kemudian usaha pembudayaan keusahawanan diteruskan ke peringkat sekolah menengah atas dengan menawarkan mata pelajaran elektif Kumpulan II di bawah bidang teknik dan vokasional (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2007).

Menyedari kepentingan pembudayaan elemen-elemen asas keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar khususnya di peringkat sekolah menengah, kerajaan merangka strategi yang lebih berkesan dan berstruktur melalui sistem pendidikan negara. Justeru, program-program pembudayaan keusahawanan KPM adalah menerusi program yang berbentuk secara langsung dan tidak langsung untuk dilaksanakan oleh pelbagai pihak. Program pembudayaan keusahawanan secara langsung dapat dilakukan melalui kurikulum sekolah. Beberapa sukatan pelajaran berkaitan keusahawanan seperti Perdagangan, Ekonomi Asas, Prinsip Akaun, Pengajian Perniagaan, Pengajian Keusahawanan, Kemahiran Hidup, Ekonomi Rumahtangga dan Pendidikan Teknik dan Vokasional dan lain-lain dapat dibentuk untuk tujuan berkenaan. Sementara itu, antara program tidak langsung dapat dilaksanakan oleh Institut Keusahawanan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu dengan memperkenalkan Program Usahawan Muda (PUM) kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Pelajar-pelajar ini berpeluang untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman "*hands-on*" mengenai sistem operasi dan penubuhan syarikat berdasarkan model koperasi sekolah. Selain itu, Simposium Keusahawanan, Konvensyen PUM dan Kem Keusahawanan juga dianjurkan (PUM, 2012). Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa program-program perniagaan yang inovatif seperti PBPP diperlukan untuk memenuhi keperluan pendidikan keusahawanan negara yang sentiasa berkembang dalam usaha meningkatkan minat pelajar-pelajar menceburi bidang keusahawanan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan PBPP dengan memenuhi keperluan penyebatian elemen-elemen asas keusahawanan merupakan suatu program intervensi keusahawanan yang bermakna seawal sekolah menengah bagi pelajar-pelajar Perdagangan. Sebelum menentukan strategi pelaksanaan PBPP kajian ini, penyelidik telah menganalisis pandangan beberapa pengkaji yang lepas tentang konteks pendidikan keusahawanan di sekolah. Penyelidik mendapati kebanyakan penyelidikan menekankan tentang pembentukan pendidikan keusahawanan selain isi kandungannya. Antaranya dapat dilihat pada Gibb (2004) yang mewar-warkan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan menekankan pembelajaran secara melakukannya (*learning by doing*) berdasarkan kaedah pedagogi yang berbeza

untuk mensimulasi keperluan kualifikasi dalam menghadapi masa depan yang lebih kompleks. Begitu juga Johannison, Madsen dan Wallentin (2000) mementingkan proses pembelajaran keusahawanan harus berasaskan masalah dengan isu yang berbeza agar pelajar-pelajar boleh menyelesaikannya dengan cara pelbagai. Bersandarkan pembentukan pendidikan keusahawanan tersebut terhadap implikasi-implikasinya kepada pelajar-pelajar di sekolah, pelaksanaan PBPP kajian ini memberi fokus dalam konteks perniagaan yang sebenar. Justeru, PBPP ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan projek dan mengintegrasikan unsur-unsur REACT Crawford (2001) dalam pembelajaran kontekstual iaitu menghubungkan, mengalami, mengaplikasi, bekerjasama dan memindahkan untuk menyebatkan elemen-elemen asas keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar Perdagangan.

Merujuk kepada kajian-kajian yang lepas, terdapat banyak kelebihan PBPP dilaksanakan dengan pendekatan pembelajaran berasaskan projek dan strategi REACT Crawford (2001) dalam kajian ini. Antaranya, pendekatan-pendekatan pengajaran seumpama ini merupakan visi pendidikan abad ke-21 yang dapat menyediakan stimulasi dan perubahan kontemporari dalam bidang perniagaan bagi memenuhi keperluan penyebatan elemen-elemen asas keusahawanan pelajar-pelajar Perdagangan kajian ini (Morales, Bang, dan Andre, 2012). Ini dapat dilihat PBPP menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on* untuk membantu pelajar-pelajar menjadi lebih berdikari dan berusaha menghasilkan pembelajaran yang kreatif berkaitan perniagaan dan keusahawanan dalam kajian ini (Evi, Kamisah dan Subahan, 2010). PBPP juga menuntut tindakan aktif dan memudahkan dialog refleksi antara fasilitator dengan pelajar-pelajar untuk memperolehi pengalaman belajar yang sebenar dalam perniagaan (Wallace, 2010). Dengan ini, pelajar-pelajar dapat mengasah pemikiran tahap tinggi, mengumpul, menganalisis, mensintesis data dan maklumat dari pelbagai sumber dengan merentas pelbagai disiplin akademik. Bukan itu sahaja, pelajar-pelajar juga merasa seronok dan hubungan mesra mereka dengan fasilitator terjalin kerana wujud suasana saling berkomunikasi dan bertukar-tukar pendapat (Siti Nazurana, 2012) dalam kajian ini. Tambahan lagi, kompetensi berfikir secara berkumpulan bersama-sama rakan-rakan kumpulan pelajar juga

dapat dibangunkan sekaligus mencetuskan idea-idea yang kreatif untuk penyelesaian masalah PBPP kajian ini (Edmunds dan Brown, 2010; Zimmerman D.C, 2010).

Berdasarkan kekuatan pendekatan pembelajaran berasaskan projek yang digunakan dalam PBPP kajian ini, penyelidik mempertimbangkan beberapa faktor dalam menentukan program-program PBPP yang sesuai dalam penyebatian elemen-elemen asas keusahawanan kajian ini. Antaranya, bagaimanakah PBPP ini dapat dilaksanakan dalam konteks pembelajaran perniagaan yang sebenar. Justeru, penyelidik berpendapat bahawa pemilihan program-program PBPP harus bersandarkan kebolehan pelajar-pelajar mengalami proses keusahawanan asas yang lebih praktikal dan realistik dalam mengadaptasikan diri dengan REACT iaitu menghubungkan, mengalami, mengaplikasi, bekerjasama dan memindahkan kepada sebarang perubahan yang berlaku dalam persekitaran perniagaan yang sebenar. Untuk itu, program-program PBPP yang dirancang melibatkan ceramahan keusahawanan, kajian pemasaran, rancangan perniagaan dan aktiviti perniagaan dalam kajian ini.

Sehubungan itu, program ceramahan keusahawanan, kajian pemasaran dan rancangan perniagaan disifatkan sebagai pengetahuan konseptual yang memerlukan pemahaman pelajar-pelajar tentang sesuatu konsep asas untuk mempelajari konsep-konsep berikutnya. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan konseptual ini dijelaskan bukan sahaja mengetahui konsep-konsep yang wujud dalam program-program tersebut malah boleh menghubungkaitkan peluang perniagaan yang bakal dijalankan secara mendalam (Canobi, 2009; Star, 2005). Dalam pada itu, pelajar-pelajar boleh menghubungkaitkan pengetahuan sedia ada mereka atau maklumat-maklumat yang diperolehi daripada ceramahan keusahawanan untuk melaksanakan kajian pemasaran. Mereka harus mengalami sendiri dalam penyiasatan ke atas cita rasa pelanggan untuk diaplikasikan dalam menentukan strategi pemasaran dalam rancangan perniagaan. Dengan ini, pengetahuan konseptual adalah satu pengetahuan yang mempunyai rangkaian perkaitan atau perhubungan dengan pelbagai maklumat tentang peluang dan strategi perniagaan. Pendedahan program ceramahan keusahawanan, kajian

pemasaran dan rancangan perniagaan ini telah menjadi dasar kepada struktur perniagaan yang dihubungkan dengan rangkaian idea seterusnya dalam menerangkan dan memberi makna kepada prosedur yang akan digunakan dalam aktiviti perniagaan.

Tambahan lagi, program aktiviti perniagaan yang dilaksanakan akan memberi fokus dalam pengaplikasian ciri-ciri seorang usahawan, etika perniagaan, strategi pemasaran dan kemahiran perniagaan dalam mengenal pasti, meneroka, membina dan merebut peluang-peluang perniagaan dalam kajian ini. Dengan ini, pelajar-pelajar bekerjasama dalam kumpulan untuk melaksanakan program aktiviti perniagaan ini mengikut langkah-langkah dalam rancangan perniagaan; memantau dan menilai pelaksanaannya. Sementara itu, guru-guru sebagai fasilitator berperanan membimbing pelajar-pelajar menemui pengetahuan baru melalui penerokaan. Pemindahan pengetahuan ini akan menyebabkan pelajar-pelajar lebih mudah membuka peluang sedia ada mereka melalui pelbagai situasi pembelajaran.

Justeru, pelaksanaan program aktiviti perniagaan cenderung kepada pengetahuan prosedural di mana pelajar-pelajar perlu melaksanakan satu siri langkah-langkah atau tindakan-tindakan untuk mencapai matlamat sesuatu perniagaan dengan baik dan berjaya (Canobi, 2009; Star, 2005). Oleh itu, pelaksanaan program aktiviti perniagaan banyak melibatkan peraturan dan langkah-langkah penyelesaian masalah dalam perniagaan. Ia melibatkan keupayaan pelajar melakukan turutan kerja dalam pengurusan perniagaan. Walaupun demikian, cabaran pelaksanaan PBPP dengan berunsurkan pengaplikasian ciri-ciri seorang usahawan, etika perniagaan, strategi pemasaran dan kemahiran perniagaan yang baik merupakan elemen-elemen asas keusahawan penting ke arah kemunculan kesedaran dalam merebut peluang-peluang perniagaan dalam kajian ini (Haase dan Lautenschlager, 2011). Untuk itu, program aktiviti perniagaan adalah bertujuan untuk mencungkil potensi pelajar-pelajar dalam membangunkan keupayaan mereka untuk meneroka peluang, kesedaran tentang risiko (*risk awareness*), kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan (Nur Iwani Azmi dan Mohamad Hisyam Mohd. Hashim, 2013). Dengan ini, PBPP berharap dapat menstimulasi konteks perniagaan sebenar dalam

memupuk dan melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai budaya berniaga (Husaini Muhammad Haron dan Ahmad Khairul Anuar, 2008) setelah menyebatkan elemen-elemen asas keusahawanan dalam diri pelajar-pelajar.

Dalam pada itu, terdapat banyak kajian berkenaan pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran kontekstual yang telah menunjukkan kelebihan dan keberkesanannya. Antara kajian pembelajaran berasaskan projek adalah Chua, Yang dan Leo (2014); Tseng, Chang, Lou dan Chen (2011); Laughlin, Zastavker dan Ong (2007); Karaman dan Celik, (2007); Lipson, Epstein, Bras dan Hodges (2007); Seet dan Quek (2010) sementara pembelajaran kontekstual pula seperti Zurida Ismail, Mohd Ali Samsudin dan Ahmad Nurulazam Mohd Zain (2005); Abdul Gafoor dan Muhammed Ashraf (2012); Ekowati, Darwis, Upa dan Tahmir (2015); Kang (2006). Namun begitu, kebanyakan kajian berkenaan masih tertumpu dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM). Tambahan lagi, berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan mendapati pelaksanaan pendidikan keusahawanan dalam mata pelajaran Perdagangan pada asasnya terhad. Antara penyelidikan-penyelidikan Perdagangan adalah tertumpu kepada faktor guru dan program-program yang dilaksanakan berasaskan isi kandungan (Zaubedah Kunchi Koya, 2007; Asnaini Awi, 2008) serta pelajar (Zurhana Md Saad, 2005; Azuy Aria Mat Puzi, 2004), namun kurang menyentuh tentang pembudayaan keusahawanan dalam mata pelajaran ini. Ini turut disuarakan oleh Grant (2011) bahawa masih sedikit kajian pembelajaran berasaskan projek yang menyentuh perspektif pelajar bersifat empirikal dan pelaksanaan kaedah ini masih tetap dianggap asing dalam sistem pendidikan di negara kita khususnya di sekolah menengah. Ini berkemungkinan disebabkan kurangnya pendedahan tentang kelebihannya (Nitce Isa Medina Machmudi Isa dan Mai Shihah Hj Abdullah, 2013). Oleh yang demikian, demi mengisi lompong kajian, pelaksanaan PBPP kajian ini dilihat sebagai suatu langkah proaktif dalam menambah dan memperluaskan literatur yang bermakna khususnya berkaitan penyebatan elemen-elemen asas keusahawanan dalam mata pelajaran Perdagangan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan negara mempunyai matlamat ke arah melahirkan modal insan yang seimbang dalam domain kognitif, psikomotor, afektif dan sosial. Pembangunan modal insan turut merupakan satu agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9). Justeru, pemantapan dan pemeraksanaan pembangunan modal insan secara bersepadu dan menyeluruh perlu diberi perhatian yang serius dalam kemakmuran negara dan kehendak pasaran kerja hari ini. Ini kerana era globalisasi telah meningkatkan permintaan sumber tenaga manusia yang menuntut nilai-nilai tambahan tentang etika kerja, kepimpinan, kompetensi dalam teknologi maklumat, hubungan interpersonal dan analitikal ke arah memenuhi keperluan majikan (Mohd Safarin dan Mohd Zolkifli, 2005). Keadaan ini memberi gambaran bahawa seorang pelajar di peringkat sekolah mahupun peringkat pengajian tinggi tidak hanya memenuhi penguasaan dalam bidang ilmu pengetahuan sahaja, tetapi juga kemahiran-kemahiran insaniah dalam memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara (Sarimah Che Hassan, Norlizah Che Hassan dan Nor Aisyah Buang, 2010).

Mengikut konteks kajian ini, PBPP dilaksanakan adalah bertujuan menyebatkan elemen-elemen asas keusahawanan dalam diri pelajar-pelajar Perdagangan. Penyebatian elemen-elemen asas keusahawanan ini merupakan komponen-komponen dalam kemahiran insaniah (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006). Kejayaan penyebatian elemen-elemen asas keusahawanan dibincangkan dalam Bab 3 berkenaan prototaip modul PBPP. Oleh itu, keperluan melaksanakan PBPP adalah berdasarkan kedudukan amalan pengajaran dan pembelajaran Perdagangan masih kurang memberi impak terhadap penguasaan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar Perdagangan di sekolah. Ini dilihat dalam 2 pernyataan berkait rapat dengan kemahiran keusahawanan yang telah dikemukakan oleh KPM. Dua pernyataan KPM berikut dipetik memandangkan kelemahannya dalam aspek pembudayaan keusahawanan dalam mata pelajaran Perdagangan dan perlu mengambil tindakan sewajarnya.